

28/07/2000

Sutera Harbour, resort berskala mewah

KOTA KINABALU, Khamis - Sutera Harbour Resort, projek pembangunan resort berskala mewah bernilai RM2.2 bilion, dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam tadi.

Projek itu yang dibangunkan di kawasan tebus guna seluas 153.6 hektar di tengah-tengah ibu negeri, dianggap resort pertama di Asia yang menawarkan kemudahan peranginan, sukan dan rekreasi secara bersepadu.

Ia secara tidak langsung menjadi mercu tanda terhadap pembangunan industri pelancongan di negeri ini.

Selain memberi ucapan, Dr Mahathir menandatangani plak patung burung yang menghadap Laut China Selatan sebelum menekan papan kekunci untuk melepaskan kira-kira 2,000 ikan daripada pelbagai spesies ke laut.

Sebelum ini, Perdana Menteri melancarkan projek berkenaan ketika ia mula dibangunkan pada Julai 1994.

Majlis perasmian itu yang dianggar membabitkan kos RM5 juta, diserikan dengan pertunjukan bunga api sebanyak dua kali iaitu pada majlis pembukaan serta penutupnya, dengan masing-masing mengambil masa 10 dan 15 minit yang dapat dilihat oleh penduduk sehingga 15 kilometer.

Selain itu, pertunjukan bunyi dan cahaya bagi menerangkan sejarah pembangunan projek itu serta keunikan Sabah, dilakukan melalui kaedah laser air selama kira-kira 10 minit dan dianggap terbesar pernah diadakan di Borneo.

Kira-kira 2,000 jemputan turut dihiburkan dengan persembahan koir oleh 60 kakitangan resort berkenaan serta persembahan orkestra yang didatangkan khas dari Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Edward Ong, menganggap pembinaan resort itu sebagai penjelmaan terhadap satu impian dengan kerjasama daripada kerajaan persekutuan dan negeri.

"Jika industri pelancongan di Sabah memerlukan pemangkin sebagai ruang untuk pertumbuhannya, Sutera Harbour Resort mampu memenuhi permintaan itu menerusi pertumbuhan sosioekonomi secara keseluruhan.

"Yang lebih penting, pembinaan resort ini mampu membekalkan peluang pekerjaan kepada 1,300 orang dengan 99 peratus daripadanya adalah rakyat negara ini," katanya.

Hingga kini, projek Sutera Harbour Resort meliputi dua hotel bertaraf lima bintang iaitu Pacific Sutera dan Magelan Sutera, kelab Golf dan pusat rekreasi, marina untuk kapal layar berlabuh serta pusat konvensyen.

Secara terperinci, resort itu menawarkan 956 bilik dan suite berharga RM400 ke atas, 15 restoran dan bar, lima kolam renang termasuk bersaiz olimpik, dua pusat aktiviti kanak-kanak, padang golf 27 lubang, driving range, sembilan gelanggang tenis, dua gelanggang squash, tiga gelanggang badminton, tiga pusat kecergasan dan mandara spa.

Selain itu, 104 kawasan berlabuh marina, kemudahan sukan air, bowling 12 lorong, pusat karaoke, bilik biliard, teater wayang gambar, 28 bilik persidangan, dewan memuatkan 1,000 orang, dewan persidangan memuatkan 3,000 orang serta dewan pameran seluas 2,400 meter persegi.

(END)